- (a) make use of, disclose, divulge or reveal any information relating to his/her Personal Financing-i Account for purposes of or in connection with any action or proceeding taken for the purpose of recovery of monies due and payable by the Customer to the Bank under this terms and conditions.
- (b) the disclosure of any information pertaining to the credit standing of the Customer to any other Bank and/or financial institution(s) as is necessary in such manner and to such extent as the Bank shall consider necessary in connection with such queries and to the disclosure of the account number(s) to any other interested person(s)/party(ies) such as CAGAMAS and debt collection agents, any person(s) in or outside Malaysia including but not limited to companies within the group of the Bank, whether such group of companies are residing, situated, carrying on business, incorporated or constituted within or outside Malaysia, including but not limited to the respective agents, authorised, maintaining and storing records (financial or otherwise), at any time and without liability, any information and particulars (financial or otherwise) relating to Customer's affairs and accounts, financing and conduct thereof.
- (c) disclose information to Bank Negara Malaysia or such other authority having jurisdiction over the Bank regarding the Customer's Facility or the Customer's Account, as may be required. The Bank shall not be liable whether directly or indirectly to the Customer or any other person(s) for such disclosure.

Right to Set Off and Consolidate

38. The Bank may at any time at its absolute discretion and without assigning reason by giving Seven (7) calendar days prior notice on its intention to the Customer to:-

- (a) set off or transfer any monies standing to the credit of the Customer's Personal Financing-i Account with the Bank of whatever description and wherever located towards the reduction and/or discharge of any sum due to the Bank under this terms and conditions.
- (b) combine or consolidate all or any of his/her accounts including accounts jointly with others (of any nature whatsoever whether subject to notice) wheresoever situate with any liabilities and obligations due or incurred by the Customer to the Bank and set-off or transfer any sum standing to the credit of any one or more of such accounts in or towards satisfaction of money obligations and liabilities due and payable to the Bank.
- (c) sell any security(ies) or personal property (ies) of the Customer held by the Bank on deposit or otherwise at public auction or private sales without any judicial proceedings whatsoever and retain from the proceeds derived there from the total amount remaining unpaid.

Cross Default

39. The Bank has the right to cancel, terminate and demand payment of all sums due and payable in respect of other facilities granted to the Customers by the Bank including but not limited to existing Credit/Charge Card facility with the Bank if an event of default has occurred or declared against the Customer pursuant to clause 26 hereof regardless of whether or not such other facilities including but not limited to the Credit/Charge Card(s) are performing facilities.

Amendments of Terms and Conditions

40. The use of the Facility is subject to the terms and conditions herein contained. The Bank reserves the right at any time and by giving Twenty One (21) calendar days notice, prior or otherwise to the Customer to add, alter, delete, modify, change or vary all or any of those terms and conditions or to replace wholly or in part the Facility by another scheme, whether similar or not, or to withdraw it altogether provided always to the compliance of the Shariah. If any, the communication of such variations may take any form, and may be given via letter to the Customer or via Bank's website or any other manner as the Bank deems fit.

Approval of Facility

41. The approval of the application is conditional upon the execution, delivery and perfection of the documents required by the Bank. The Bank may refuse the application for the Facility without assigning any reason therefore.

42. The Bank may at its sole discretion approve the Facility Amount and the Facility Instalment Period specified by the Customer or such lower Facility Amount and/or shorter Facility Instalment Period as the Bank shall sees deem fit. The Bank is not be obliged to inform or notify the Customer on the approved Facility Amount provided that such Facility Amount is equal to or above the minimum amount stated by the Customer in the application form.

43. The Customer acknowledges that the acceptance of the Facility by the Bank is completed upon the Bank issuing the Notification of Approval Letter upon the terms therein contained and crediting the approved Facility Amount into the Deposit Account indicated by the Customer herein notwithstanding that the Facility Amount remains unused in the said Deposit Account. Any differences in the Facility Amount and/or Facility Instalment Period applied for and as finally approved shall not affect the validity of the terms and the Customer shall be deemed to have accepted the financing for the Facility Amount as approved by the Bank. It shall be deemed that the submission of the application for the Facility and the issuance of the Notification of Approval Letter that an agreement on the part of the Customer to the financing and for the Bank to make available the facility has been concluded subject to the terms in the application, Notification of Approval Letter and the terms herein contained and no other formal documents are required to be executed further between the Customer and the Bank.

Instalment Calculation

44. Facility Monthly Instalment is derived based on the formula:- $[(P \cdot I \cdot N) + P] / n$,

Where, P = Financing Facility Amount

I = Profit Rate per annum

N = Total Number of Instalment in Years

n = Total Number of Instalment in Months

Service of Legal Process

45. The parties hereby agree that the service of any Writ of Summons or any legal process in respect of any claim arising out of or connected with this terms and conditions may be effected by forwarding a copy of the same by prepaid registered post and a copy of the same by ordinary post to the Customer's address(es) stated in the Facility application form or to such other address(es) notified by the Customer to the Bank from time to time.

Certificate of Indebtedness

46. A certificate signed by the officer of the Bank as to the monies for the time being due and owing to the Bank from the Customer in the absence of manifest errors shall be conclusive evidence or proof that the amount appearing therein is due and payable by the Customer to the Bank.

Indemnity

47. The Bank will not be responsible for and disclaims all liability to any actions, claims, loss, damages, costs, charges and expenses which a Customer may suffer, sustain or incur by his/her participation in the Facility.

Law Applicable

48. The Facility shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the parties hereto hereby agree to submit to the non exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia or the courts of such other competent jurisdiction as the Bank may in its sole discretion elect to submit and further agree that service of any legal process may be effected in the manner set out herein.

Disposal/Sale of Personal Financing-i Account

49. The Customer hereby acknowledges and agrees that the Bank may at its absolute discretion assign transfer and/or sell the Customer's Personal Financing-i Account or part thereof to such other institution, corporation, or statutory bodies as may be approved by Bank Negara Malaysia and/or set up under any Acts or statutory legislation of Malaysia (hereinafter referred to as "the Personal Financing-i Account Purchaser") and towards this purpose the Customer hereby unconditionally and irrevocably consents to the assignment transfer and/or sale of the Customer's Personal Financing-i Account to the Personal Financing-i Account Purchaser the Bank deem fit.

50. In amplification and not in derogation of clause 49 above, the Customer further unconditionally and irrevocably consents and authorises the Bank upon the Bank giving seven (7) calendar days notice in advance to disclose, give, produce, divulge, reveal, and/or forward, deliver or otherwise make available such information, records, details regarding the Customer and/or the Customer's Personal Financing-i Account pursuant to or prior to the sale or intended sale of the Personal Financing-i Account to the Personal Financing-i Account Purchaser.

SYARAT-SYARAT DAN TERMA-TERMA PEMBIAYAAN PERIBADI-I MAYBANK ISLAMIC

Kelulusan Kemudahan Pembayaran Peribadi-i Maybank Islamic ("Kemudahan") oleh Maybank Islamic Berhad (No Syarikat 787435-M) ("Bank") kepada Pelanggan ("Pelanggan") adalah tertakluk kepada terma dan syarat ("Terma") yang telah dimaklumkan kepada Pelanggan semasa Kemudahan tersebut. Terma ini akan mengikat Pelanggan serta-merta sebaik sahaja Kemudahan diluluskan oleh pihak Bank.

Kelayakan Pelanggan

1. Kemudahan ini adalah tersedia untuk semua Pelanggan yang layak dalam lingkungan umur 21 tahun hingga 60 tahun.

Tafsiran
2. Terma ini, bersama dengan lain-lain dokumen berkenaan dengan mana-mana akaun semasa atau akaun simpanan Pelanggan ("Akaun Deposit") yang dibuka dan dikenakan dengan pihak Bank membentuk satu perjanjian yang menetapkan Terma berkaitan dengan Kemudahan.
3. Terma yang dinyatakan di sini adalah sebagai tambahan dan bukannya gantian atau pengurangan terhadap mana-mana terma dan syarat lain yang mengikat Pelanggan dari semasa ke semasa.

Kemudahan

4. Kemudahan ini adalah kemudahan pembiayaan berjangkatan pacagaran.
5. Perlindungan Takaful untuk Pelanggan adalah tidak diwajibkan, untuk melindungi pembiayaan tertunggak semasa tempoh pembiayaan dan/atau tempoh perlindungan. Jika Pelanggan memilih untuk perlindungan Takaful, Pelanggan bersetuju untuk membayar dan membenarkan pihak Bank untuk menolak amaun sumbangan Takaful dahulu daripada Kemudahan sebelum pembayaran. Pelanggan boleh mengambil dan mengekalkan perlindungan Takaful dengan Etika Takaful Berhad atau dengan syarikat Takaful panel Bank atau syarikat Takaful yang lain yang diluluskan oleh pihak Bank mengikut pilihan Pelanggan mengikut terma dan syarat seperti yang ditetapkan oleh Bank.
6. Selain dari Akaun Deposit, pihak Bank akan mewujudkan satu akaun kemudahan yang berasingan ("Akaun Pembayaran Peribadi") untuk Pelanggan. Amaun Kemudahan akan didebitkan dari Akaun Pembayaran Peribadi-i dan dikreditkan ke dalam Akaun Deposit (yang mana pembayaran penuh Kemudahan kepada Pelanggan akan dianggap telah disempurnakan) dan Pelanggan mempunyai hak untuk mengeluarkan wang tersebut dari Akaun Depositi.
7. Amaun Kemudahan minimum adalah RM5,000.00 dan dalam apa-apa keadaan sekalipun adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak pihak Bank dan boleh diubah oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Pelanggan hanya boleh memohon dan mengekalkan satu Kemudahan sahaja pada setiap masa. Kemudahan yang sedia ada mesti diselesaikan sepenuhnya sekiranya Pelanggan ingin memohon Kemudahan tersebut semula.

Kaedah Pembiayaan

8. Menurut kontrak Murabahah (Kos Tambah Jualan) dan prosedur pembiayaan Bank, setelah mendapat kelulusan bagi Kemudahan tersebut, Pelanggan akan meminta Bank untuk membeli komoditi patuh Syariah yang diterima oleh Bank (Komoditi) daripada peniaga Komoditi yang dipersetujui oleh Bank dan berakuruanji untuk membeli Komoditi tersebut daripada Bank. Berdasarkan Permintaan tersebut, Bank akan membeli Komoditi daripada mana-mana peniaga komoditi pada harga yang bersamaan dengan jumlah Kemudahan.
9. Kemudian, Bank akan menjual Komoditi kepada Pelanggan dan Pelanggan akan membeli Komoditi tersebut pada Harga Jualan Bank yang terdiri daripada Jumlah Kemudahan dan Keuntungan Bank mengikut terma pembayaran tertangguh.
10. Pelanggan juga hendaklah melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk menjual Komoditi tersebut kepada mana-mana peniaga komoditi atau pihak ketiga pada jumlah yang hendaklah bersamaan dengan Jumlah Kemudahan.
11. Hasil penjualan Komoditi tersebut hendaklah diletakkan di dalam akaun deposit Pelanggan dengan Bank ("Akaun yang Ditetapkan") atau mana-mana akaun lain Pelanggan dengan Bank atau apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Bank bagi pembayaran Kemudahan tertakluk kepada terma Kemudahan tersebut dan sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

Permojonan Belian dan Akujanji

12. Menurut prosedur pembiayaan Bank, Pelanggan dengan ini meminta Bank untuk membeli Komoditi daripada mana-mana peniaga Komoditi pada Jumlah Kemudahan yang hendaklah dibayar mengikut terma Kemudahan.
13. Pelanggan dengan ini berjanji dan secara tidak boleh batal berakuruanji untuk membeli Komoditi tersebut daripada Bank, pada Harga Jualan Bank.
14. Pelanggan mengesahkan bahawa akujanji di sini adalah tidak boleh dibatalkan (kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Bank) dan terikat ke atas harta, waris, pengganti hak milik, pemegang serah hak dan waris peribadi Pelanggan yang dibenarkan.

Perlantikan Agensi

15. Pelanggan dengan ini secara tidak boleh batal melantik Bank sebagai ejen untuk membolehkan Bank melakukan perkara-perkara yang berikut:
(i) untuk membeli Komoditi yang difikirkan sesuai oleh Bank dan mengambil pemilikan (fizikal atau konstruktif) ke atas Komoditi;
(ii) menjual Komoditi kepada mana-mana peniaga komoditi atau mana-mana pihak ketiga pada harga yang bersamaan dengan Jumlah Kemudahan;
(iii) menerima hasil daripada penjualan Komoditi bagi pihak Pelanggan;
(iv) menyampaikan pemilikan ke atas dan hak milik di dalam dan terhadap Komoditi tersebut kepada mana-mana pembeli Komoditi;
16. Bank hendaklah pada setiap masa bertindak sebagai ejen yang tidak didehdakan dan Bank hendaklah:-
(i) diberikuasa untuk menandatangani dan melaksanakan semua dokumen dan melakukan semua tindakan dan mematuhi dan melaksanakan semua obligasi yang dikehendaki untuk dilaksanakan berkaitan dengan perlantikan sebagai ejen, atau yang dikenakan di bawah mana-mana perjanjian penjualan Komoditi kepada mana-mana peniaga komoditi atau pihak ketiga; dan
(ii) diberikuasa untuk mewakilkan hak dan kewajippanya sebagai ejen di sini kepada mana-mana pihak ketiga untuk melakukan semua tindakan yang perlu bagi menyempurnakan transaksi yang dikehendaki; dan
(iii) dikehendaki untuk melakukan semua tugas pentadbiran berkenaan dengan pemegangan dan penjualan Komoditi tersebut.
17. Sebagai tambahan kepada perlantikan agensi seperti mana yang dinyatakan di atas, Pelanggan dengan ini melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk melaksanakan perkara-perkara yang berikut untuk dan bagi pihak Pelanggan untuk bertindak dan/atau menyempurnakan dokumen yang perlu di bawah transaksi komoditi Murabahah (termasuk tetapi tidak terhad kepada Perjanjian Jualan Aset).

18. Melainkan bagi tujuan perlantikan ini, perlantikan tersebut hendaklah tidak mewujudkan atau disifatkan untuk mewujudkan satu perkongsian atau usaha sama antara pihak-pihak, juga tidak mewujudkan satu perhubungan prinsipal dan ejen dalam mana-mana hubungan lain antara Bank dan Pelanggan.

19. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Pelanggan hendaklah menanggung rugi dan melindungi Bank daripada sebarang kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Bank akibat daripada memenuhi fungsi agensi Bank seperti mana yang ditetapkan di atas.

Bayaran

20. Pelanggan mesti memulakan bayaran ansuran bulanan ("Ansuran Bulanan Kemudahan") dalam tempoh 30 hari dari tarikh pembayaran penuh Kemudahan tersebut dan Ansuran Bulanan Kemudahan berikutnya mestilah dibayar pada setiap selang satu (1) bulan berikutnya atau pada tarikh lain yang akan ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

21. Dalam tempoh bayaran balik ("Tempoh Ansuran Kemudahan"), Harga Jualan Bank mestilah dibayar secara Ansuran Bulanan Kemudahan sama seperti dinyatakan di dalam Surat Makluman Kelulusan yang turut menyatakan Tempoh Ansuran dan terma dan syarat lain, yang dihantar kepada Pelanggan apabila Kemudahan diluluskan.

22. Jika Pelanggan ingkar dalam mana-mana ansuran bulanan atau mana-mana bayaran lain yang dinyatakan di dalam dokumen ini yang perlu dibayar, Pelanggan akan dikenakan Caj Bayaran Lewat (CBL) kepada pihak Bank seperti berikut:

- (a) Adalah dipersetujui oleh semua pihak bahawa Bank mempunyai hak untuk pampasan di atas kelewatan ansuran bulanan dan bayaran mungkir, berlandaskan mekanisma seperti di bawah:-
(i) Ansuran Tertungggak atau Bayaran Berjadual
Atas kegagalan membayar apa jua ansuran atau apa jua bayaran yang cukup tempoh dari tarikh Kemudahan yang pertama kali dikeluarkan sehingga tarikh matangnya, satu jumlah CBL bersamaan satu peratus (1%) ke atas ansuran atau bayaran tertungggak atau melalui kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM);
(ii) Apabila Matang
Atas kegagalan membayar apa jua ansuran atau apa jua bayaran yang telah cukup tempoh dan kegagalan itu melampaui Tarikh Matang Kemudahan atau apabila mendapat penghakiman, yang mana dahulu, pada kadar CBL iaitu purata kadar semalamhan harian Pasaran Wang antara Bank secara Islam ke atas baki tertungggak yang cukup tempoh bayaran atau melalui kaedah lain yang diluluskan oleh BNM dari semasa ke semasa.
(b) Meskipun jumlah CBL telah dicaj, adalah diakui dan dipersetujui bahawa jumlah CBL tersebut tidak akan dikompaun seterusnya.
(c) CBL yang dirujuk pada Klausa (a) di atas hendaklah digunakan atas jumlah penghakiman dan dikenakan dari tarikh penghakiman dibuat sehingga tarikh bayaran dibuat.

23. Tempoh Ansuran Kemudahan akan ditentukan oleh pihak Bank atas pilihan Pelanggan. Ansuran Bulanan Kemudahan dan Tempoh Ansuran Kemudahan tidak boleh diubah.

24. Pelanggan mengaku janji untuk membuat aturan bayaran yang bersesuaian bagi pembayaran mengikut terma dan syarat sekiranya pelanggan berada di luar negara.

25. Pihak Bank berhak atas budi bicara mutlaknya, menamatkan Kemudahan dan menyegerakan bayaran kesemua jumlah wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan ini sekiranya berlaku sebarang kejadian ingkar atau mengubah atau meminda Kemudahan ini berdasarkan terma yang boleh diputuskan oleh pihak Bank menurut budi bicara mutlaknya dengan memberi notis Dua Puluh Satu (21) hari kalender. Dalam keadaan di mana pihak Bank menuntut pembayaran semula Kemudahan, Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk membayar CBL ke atas jumlah Amaun Kemudahan yang tertungggak dan Ansuran Bulanan Kemudahan yang masih belum dibayar setelah tuntutan oleh pihak Bank atas budi bicara mutlaknya. CBL akan bertambah atas dasar harian (selepas penghakiman atau perintah Mahkamah dan juga sebelumnya) selama mana belum dibayar, akan didebitkan ke dalam akaun Pelanggan pada akhir setiap bulan kalender dan Pelanggan akan bertanggungjawab ke atas CBL yang dikenakan seperti diperuntukkan.

Kejadian Ingkar

26. Pihak Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk menamatkan Kemudahan dan menyegerakan bayaran Kemudahan tersebut dan/atau menuntut bayaran penuh dalam tempoh masa (mengikut bilangan hari yang tertera di dalam polisi Bank sedia ada), sekiranya berlaku sesuatu kejadian atau kejadian-kejadian ingkar termasuk tetapi tidak terhad kepada kejadian seperti yang berikut:-

- (a) Ingkar dalam membayar ansuran atau bayaran wang lain apabila telah sampai tempoh masanya dan perlu dibayar;
 - (b) Petisyen kebankrapan dikeluarkan terhadap Pelanggan;
 - (c) Sekiranya Pelanggan hilang waras atau meninggal dunia;
 - (d) Sekiranya Pelanggan melakukan satu keingkaran di bawah mana-mana peruntukan terma dan syarat mengenai penggunaan Kemudahan atau apa-apa perjanjian, atau dokumen sekuriti, atau(bergantung kepada kes) berkaitan dengan akaun-akaun lain atau kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan oleh pihak Bank;
 - (e) Sekiranya mana-mana maklumat yang diberikan oleh Pelanggan adalah tidak benar atau mengelirukan atau memberi fakta yang tidak mewakili dengan tepat khususnya fakta-fakta berkaitan yang telah diberikan pada tarikh yang mana ia diberikan;
 - (f) Sekiranya pada pendapat mutlak pihak Bank, Akaun Pembiayaan Peribadi-i atau mana-mana akaun Pelanggan dengan pihak Bank tidak dikendalikan dengan memuaskan;
 - (g) Apa-apa kejadian ataupun rentetan kejadian sama ada ia berkaitan atau tidak, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang perubahan material yang bertentangan dalam perniagaan, aset-aset atau situasi kewangan Pelanggan oleh mana-mana orang perseorangan yang memberi sekuriti untuk kemudahan, unsur perlakuan keganasan, terorisma, perrusuhan di dalam peperangan, darurat nasional, penentangan, revolusi, pemberontakan, rampasan kuasa atau berlakunya apa-apa wabak/pandemik dalam apa jua bentuk sekalipun atau apa-apa bencana atau malapetaka (sama ada ia berlaku di dalam atau di luar negara atau melibatkan Malaysia secara langsung atau mana-mana tempat di mana pihak Bank mengendalikan dan menjalankan perniagaan pada masa kini atau dari semasa ke semasa selepas itu dan sama ada dalam negara atau antarabangsa atau sebaliknya) atau perubahan lain dalam apa keadaan sekalipun berlaku yang mana pada pendapat pihak Bank (yang mana pendapatnya adalah muktamad dan terikat kepada Pelanggan);-
 - (i) Akan atau mungkin menyebabkan ia tidak munasabah atau tidak praktikal bagi pihak Bank untuk memberi,mengelakkan atau meneruskan dengan Kemudahan tersebut atau menyambung untuk terus berbuat demikian atau membenarkan apa-apa penggunaan seterusnya bagi Kemudahan ini; atau
 - (ii) Akan atau mungkin akan memberi kesan terhadap keupayaan atau kerelaan Pelanggan atau mana-mana penjamin yang memberi sekuriti bagi Kemudahan untuk mematuhi atau menuruti apa-apa obligasi di pihak Pelanggan atau penjamin sedemikian atau mana-mana orang yang memberi sekuriti atau orang lain yang terlibat mematuhi dan menuruti Kemudahan atau apa-apa dokumen sekuriti yang lain atau menjadikannya tidak berkemungkinan untuk Pelanggan atau penjamin sedemikian atau orang yang memberi sekuriti atau orang lain yang boleh atau rela berbuat demikian.
 - (h) Sekiranya apa-apa jua jenis prosiding undang-undang, guaman atau tindakan diambil terhadap Pelanggan.
 - (i) Sekiranya terdapat sebarang keberhutangan di pihak Pelanggan atau keberhutungan di pihak yang memberi sekuriti sebagaimana yang dirujuk di Klausu (g)
 - (ii) tersebut di atas dimana ia perlu dibayar dan berupaya diisytiharkan sebagai perlu dibayar sebelum tempoh matang yang dinyatakan atau sekiranya Pelanggan atau pihak yang memberi sekuriti telah gagal membayar atau melanggar apa-apa instrumen atau perjanjian yang berkaitan dengan keberhutangan tersebut.

Hak-Hak Bank

27. Bank mempunyai hak mengikut budi bicara mutlaknya untuk melakukan perkara-perkara berikut pada bila-bila masa sama ada Kemudahan di sini telah dibayar atau digunakan:

- (a) Mengkaji Kemudahan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa tanpa mengira sama ada atau tidak suatu peristiwa mungkir telah berlaku dan apa-apa semakan, jika dijalankan, hendaklah dalam cara yang ditentukan oleh pihak Bank. Sebarang kelewatan atau tertinggal untuk menjalankan semakan semula tidak boleh ditarikhkan sebagai pengercualian hak Bank untuk menyemak serta menjelaskan hak Bank untuk mendapatkan kembali semua wang yang tertunggak.

(b) Pada bila-bila masa selepas ini untuk menarik balik atau tidak memberi sedia atau membatalkan atau menamatkan Kemudahan atau mana-mana bahagiannya apabila berlakunya apa-apa kejadian yang pada pendapat Bank akan menjelaskan kedudukan kewangan Pelanggan dan/atau yang menghalang perjalanan urusan perniagaan Pelanggan selaras dengan kewangan, piawaian perindustrian atau komersial dan praktis dan/atau akan menjelaskan kedudukan Bank dan/atau yang gagal dengan mana-mana keperluan Bank di mana jua pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dan keputusan Bank adalah muktamad dan konklusif. Pihak Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk membuat keputusan mengenai pelaksanaan keadaan ini (pada bila-bila masa yang berkenaan).

(c) Pihak Bank mempunyai hak mutlak dan budi bicara untuk tidak melepaskan atau menyediakan Kemudahan atau mana-mana bahagiannya atau untuk menarik balik atau membatalkan dan/atau menamatkan dengan segera Kemudahan yang diberikan kepada Pelanggan apabila pihak Bank menyedari bahawa Pelanggan telah disiasat atau didakwa terlibat dan/atau telah melakukan apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau kesalanah jenayah dalam apa jua bentuk atau akan atau telah didakwa tertakluk kepada apa-apa pendakwaan jenayah dan/atau sabitan dan/atau apa-apa jaminan berkenaan Kemudahan yang dipegang oleh Bank tertakluk kepada atau pada risiko pembekuan, penyitaan dan perampasan oleh Kerajaan Persekutuan dan/atau lain-lain pihak berkuasa yang berkenaan atau badan-badan kawal selia. Baikapun, keputusan Bank adalah muktamad dan konklusif.

Yuran dan Caj

28. Pihak Bank berhak mengubah kadar keuntungan ditetapkan merujuk kepada Surat Makluman Kelulusan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutulkannya tertakluk kepada tidak melebihi harga jualan yang disebut. Notis pemberitahuan daripada pihak Bank boleh diberikan dalam sebarang bentuk, dan boleh diberi melalui surat kepada Pelanggan atau melalui cara-cara lain yang dianggap sesuai oleh pihak Bank. Pengubahan tersebut berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis Bank dan keputusan Bank terhadap pengubahan tersebut adalah muktamad dan konklusif.

29. Pelanggan bersetuju untuk membayar dan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendebitkan Akaun Pembayaran Peribadi-i dan/atau Akaun Deposit untuk yuran dan caj seperti berikut:

- (a) Caj Bayaran Lewat seperti Klaus 22 di atas.
 - (b) Caj perkhidmatan seperti yang akan ditentukan oleh pihak Bank atas budi bicara mutlaknya bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan serta kos dan perbelanjaan yang ditanggung hasil dari atau berkenaan dengan-
 - (i) Cek Pelanggan yang tidak dapat ditunaikan untuk pembayaran; atau
 - (ii) Caj perkhidmatan sebanyak RM10.00 untuk setiap cek bertarikh hadapan yang dikembalikan
 - (c) Yuran guaman (atas dasar Peguamcara dan Pelanggan) dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang ditanggung oleh pihak Bank dalam melaksanakan hak-hak dan kelayakan-kelayakan lain di bawah Terma dan di dalam proses mendapatkan semula wang yang kena dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank di bawah Akaun Pembiayaan Peribadi-inya.
 - (d) Yuran dan caj lain yang munasabah yang dikenakan oleh Bank bagi perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Pelanggan.

30. Tanpa mengambil kira peruntukan-peruntukan di atas, Bank atas budi bicara mutlaknya boleh mengubah kadar yuran dan caj melalui notis bertulis Dua Puluh Satu (21) hari kalender kepada Pelanggan.

Modifikasi Ansuran-Ansuran

31. Pelanggan tidak dibenarkan untuk mengubah tarikh permulaan Ansuran Bulanan Kemudahan, Ansuran Bulanan Kemudahan dan Tempoh Ansuran Kemudahan yang dinyatakan dalam Surat Makluman Kelulusan kecuali dengan kebenaran bertulis yang diberikan oleh pihak Bank atau boleh diberikan oleh pihak Bank tertakluk kepada terma dan syarat yang diputuskan dan dikenakan oleh pihak Bank. Keputusan pihak Bank sama ada untuk memberi kelulusan atau sebaliknya adalah tetap dan muktamad dan tidak boleh dipertikaikan atas apa-apa alasan sekalipun.

32. Sekiranya dan pada bila-bila masa kadar keuntungan yang kena dibayar untuk Kemudahan diubah, pihak Bank atas budi bicara mutlaknya boleh membuat pembetulan sewajarnya dengan memberi notis Dua Puluh Satu (21) hari kalender berikut dengan perubahan tersebut sama ada:

- (a) dengan mengubah amaun Ansuran Bulanan Kemudahan; atau
 - (b) dengan mengubah baki bilangan Ansuran Kemudahan; atau
 - (c) dengan mengubah melalui cara-cara lain yang dianggap sesuai oleh pihak Bank.

Pembayaran Awal/Pembatalan

33. Pelanggan boleh membuat bayaran awal untuk sebahagian daripada Amaun Kemudahan pada bila-bila masa. Mana-mana jumlah yang dibayar awal akan dianggap sebagai ansurans bulanan yang dibayar awal, di mana pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang keuntungan ke atas ansurans bulanan awal tersebut. Tanpa mengambil kira bahawa prabayaran telah dibuat, Pelanggan mesti terus membuat pembayaran Ansurans Bulanan untuk Kemudahan tersebut seperti biasa dan tepat pada masanya dan pihak Bank adalah tetap dengan haknya untuk menamatkan Kemudahan dan menyegerakan pembayaran Kemudahan tersebut pada bila-bila masa sekiranya berlaku kejadian ingkar seperti yang tertera di Klausu 26. Kesemua pembayaran awal yang dibuat tidak akan mengurangkan tempoh penuh Ansurans Kemudahan atau keuntungan yang dikenakan.

34. Kecuali dipersetujui sebaliknya oleh pihak Bank, sebarang amaun yang dibayar dahulu tidak boleh dikeluarkan semula dan akan digunakan untuk obligasi pembayaran Pelanggan menurut aturan songsang kematangan. Sekiranya pada bila-bila masa amaun yang dibayar awal telah melebihi jumlah Kemudahan yang dikeluarkan, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang keuntungan kepada Pelanggan.

35. Sehajah sahaja pihak Bank meluluskan permohonan Pelanggan, pihak Bank akan menzelurahkan Amaun Kemudahan tersebut ke dalam Akaun Deposit peribadi Pelanggan.

35. Sebaik sahaja pihak Bank meluluskan permohonan Pelanggan, pihak Bank akan mengeluarkan Amaun Kemudahan tersebut ke dalam Akaun Deposit peribadi Pelanggan. Akaun bersama adalah tidak dibenarkan bagi Kemudahan ini.

Rebat
af Bil

36. Pihak Bank akan memberi rebat ('bra') kepada Pelanggan pada, tetapi tidak terhad kepada situasi-situasi berikut:
(a) Pelanggan membutuhkan perolehan awal atau perbaharuan awal termasuk yang berhubungan dengan bayaran tund

- (a) Pelanggar membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang berpuncak daripada bayaran terdahulu; dan
 (b) Sekiranya jumlah sebenar yang dibayar adalah lebih rendah daripada Harga Belian Bank;

Bagi mengelakkan kerugian, adauri aperkuai dan apersetuju bawang rebat-rebat berkenaan tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada pelanggan, tetapi diterjemahkan sebagai tolakan dari elemen keuntungan bayaran Ansuran Bayaran Kemudahan tersebut. Rebat berkenaan hanya akan diberikan selepas penerimaan jumlah penyelesaian/penebusan sebagaimana ditentukan oleh pihak Bank berdasarkan formula di bawah:

Baki Harga Jualan Bank TOLAK Baki Amaun Kemudahan TOLAK Amaun Lain yang perlu dibayar kepada Bank

Pendedahan

37. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk terikat dengan Pengakuan dan fasal pendedahan yang ditetapkan di dalam borang permohonan produk ini yang merupakan dokumen pra-syarat untuk produk ini termasuk tetapi tidak terhad kepada semua pendedahan peruntukan berhubung dengan data peribadi dan pendedahan bagi tujuan jualan silang dan pemasaran produk-produk dalam Kumpulan Maybank dan rakan-rakan strategik jika Pelanggan telah memilih untuk yang sama dan seterusnya Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada pihak Bank dan/atau pegawai-pegawaiannya untuk:-

- (a) menggunakan, mendedahkan atau memaklumkan apa-apa maklumat mengenai Akaun Pembiayaan Peribadi-nya untuk tujuan atau berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk tujuan mendapatkan semula wang yang kena dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank di bawah terma dan syarat ini;
- (b) pendedahan sebarang maklumat berkenaan dengan kedudukan kredit Pelanggan kepada bank dan/atau institusi-institusi kewangan yang lain di mana perlu dengan cara dan setahap mana pihak Bank menganggap perlu berkaitan dengan pertanyaan-pertanyaan sedemikian dan juga pendedahan nombor-nombor akaun kepada sesia mana-mana pihak yang berminat seperti CAGAMAS, ejen pemungut hutang, mana-mana individu di dalam atau di luar Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan Bank, sama ada kumpulan syarikat tersebut menetap, menjalankan perniagaan, diperbadarkan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen-ejen tertentu, ejen yang diberi kuasa, memelihara dan menyimpan rekod-rekod (kewangan atau lain-lain) pada masa tertentu dan tanpa liabiliti, apa-apa maklumat dan butiran (kewangan atau lain-lain) yang berkaitan dengan urusan dan akaun Pelanggan, pembiayaan dan pengendalian;
- (c) mendedahkan maklumat kepada Bank Negara Malaysia mengenai Kemudahan Pelanggan atau Akaun Pelanggan, seperti mana yang diperlukan. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain atas pendedahan sedemikian.

Hak untuk Menolak dan Menggabung

38. Pihak Bank boleh pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknya dan tanpa memberi alasan kepada Pelanggan dengan memberi notis Tujuh (7) hari kalender sebelumnya kepada Pelanggan berkenaan tindakannya untuk:
- menolak atau memindahkan sebarang wang yang ada di dalam Akaun Pembiayaan Peribadi-I Pelanggan dengan Bank dalam apa-apa deskripsi atau tanpa mengambil kira di mana kedudukannya untuk tujuan mengurangkan dan/atau menjelaskan sebarang jumlah yang kena dibayar kepada Bank mengikut terma dan syarat di sini.
 - menggabungkan atau menyatukan kesemua atau mana-mana daripada akaun Pelanggan termasuk akaun bersama dengan pelanggan lain (dalam apa-apa deskripsi sama ada tertakluk kepada notis) tanpa mengira di mana dengan sebarang liabiliti dan obligasi yang terhutang atau terakru oleh Pelanggan kepada pihak Bank dan menolak atau memindahkan sebarang jumlah yang ada di dalam satu atau mana-mana akaun untuk tujuan menjelaskan obligasi kewangan dan liabiliti-liabiliti yang kena dibayar kepada pihak Bank.
 - menjalankan sebarang sekuriti atau harta peribadi Pelanggan yang dipegang oleh pihak Bank secara deposit atau sebaliknya di lelongan awam atau jualan secara rundingan terus tanpa apa-apa prosiding kehakiman dan menahan hasil jualan daripadanya untuk jumlah keberhutangan belum dibayar.

Keingkaran Bersilang

39. Pihak Bank mempunyai hak untuk membatalkan, menamatkan dan menuntut pembayaran kesemua jumlah yang kena dibayar berhubung kemudahan-kemudahan lain yang telah diberikan kepada Pelanggan oleh pihak Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada kemudahan Kredit/Caj kad dengan pihak Bank sekiranya satu kejadian keingkaran telah berlaku atau diisyiharkan terhadap Pelanggan selaras dengan peruntukan klaus 26 di sini tanpa mengambilkira sama ada kemudahan-kemudahan lain tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada Kad/Caj kad yang dikendalikan dengan baik.

Pindaan Terma dan Syarat

40. Penggunaan Kemudahan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Pihak Bank berhak pada bila-bila masa dan dengan memberi notis Dua Puluh Satu (21) hari kalender sebelum menambah, meminda, memadamkan, memperbaiki, mengubah atau menukar kesemua atau mana-mana terma dan syarat atau mengantikkan keseluruhan atau sebahagian Kemudahan kepada suatu skim yang lain, sama ada yang serupa atau sebaliknya atau menarikbalik kesemuanya sama sekali selagi mana mematuhi Syariah. Sebarang pindaan sekiranya ada, akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui mana-mana cara atau kaedah dan boleh dibuat melalui surat kepada Pelanggan atau melalui laman web Bank atau mana-mana kaedah yang dianggap wajar oleh pihak Bank.

Kelulusan Kemudahan

41. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada pelaksanaan, penyampaian dan penyempurnaan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh pihak Bank. Pihak Bank boleh menolak permohonan Kemudahan tanpa memberi sebarang alasan.

42. Pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknya meluluskan permohonan untuk Amaun Kemudahan dan Tempoh Ansuran Kemudahan yang ditentukan oleh Pelanggan atau Amaun Kemudahan yang lebih rendah dan/atau Tempoh Ansuran Kemudahan yang lebih pendek yang mana difikirkan perlu. Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk maklumkan atau memberi notis kepada Pelanggan mengenai Amaun Kemudahan yang diluluskan selagi mana Amaun Kemudahan adalah sama atau melebihi amaun minimum seperti yang dinyatakan oleh Pelanggan di dalam borang permohonan.

43. Pelanggan dengan ini memperakui bahawa penerimaan permohonan Kemudahan tersebut oleh pihak Bank telah disempurnakan sebaik sahaja pihak Bank mengeluarkan Surat Makluman Kelulusan sepihama terma yang terkandung dalamnya dan mengreditkan jumlah Kemudahan yang diluluskan ke dalam Akaun Deposit yang ditetapkan oleh Pelanggan di sini tanpa mengambil kira Jumlah Kemudahan dalam Akaun Deposit tidak digunakan. Apa-apa perbezaan dalam Jumlah Kemudahan dan/atau Tempoh Ansuran Kemudahan yang dipohon dan seterusnya diluluskan tidak akan memberi kesan kepada kesahihan terma dan Pelanggan dianggap telah menerima kewangan untuk Jumlah Kemudahan seperti yang diluluskan oleh pihak Bank. Penyerahan permohonan Kemudahan dan pengeluaran Surat Makluman Kelulusan, dianggap sebagai satu persetujuan bagi pihak Pelanggan untuk mendapatkan kemudahan dan bagi pihak Bank untuk menyediakan Kemudahan tersebut telah dimeterai tertakluk kepada terma yang terkandung dalam permohonan, Surat Makluman Kelulusan dan terma yang terkandung di sini dan tiada dokumen formal yang lain perlu untuk disempurnakan antara Pelanggan dan pihak Bank.

Pengiraan Ansuran

44. Ansuran Bulanan Kemudahan adalah dikira berdasarkan formula:- $[(P*I*N) + P]/n$,
- di mana, P = Amaun Kemudahan

I = Kadar Keuntungan setahun

N = Jumlah Bilangan Ansuran dalam Tahun

n = Jumlah Bilangan Ansuran dalam Bulan

Penyerahan Proses Undang-undang

45. Semua Pihak dengan ini bersetuju bahawa penyerahan sebarang Writ Saman atau sebarang proses undang-undang mengenai apa-apa tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan terma dan syarat ini dikuatkuasakan melalui penyerahan sesalinannya secara pos berdaftar prabayar dan sesalinannya melalui pos biasa ke alamat-alamat Pelanggan yang dinyatakan dalam borang permohonan Kemudahan atau ke alamat-alamat lain yang dimaklumkan oleh Pelanggan kepada pihak Bank dari semasa ke semasa.

Sijil Keberhutangan

46. Sijil yang ditandatangani oleh pegawai Bank mengenai jumlah wang pada masa tertentu yang kena dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank dalam ketiadaan kesilapan yang nyata akan menjadi bukti konklusif atau bukti bahawa amaun yang dinyatakan di dalamnya adalah perlu dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank.

Tanggung Rugi

47. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas dan menidakkann kesemua liabiliti terhadap sebarang tindakan, tuntutan, kerugian, bayaran lewat, kos, caj dan perbelanjaan yang mana Pelanggan mungkin tanggung, alami atau terbabit akibat dari penglibatannya di dalam Kemudahan ini.

Undang-undang Terpakai

48. Kemudahan akan tertakluk dan ditafsirkan mengikut Undang-Undang Malaysia dan pihak di sini dengan ini bersetuju untuk tunduk kepada bidangkuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia atau bidangkuasa kompeten mahkamah-mahkamah lain yang mana pihak Bank boleh atas budi bicara mutlaknya pilih dan seterusnya bersetuju bahawa penyampaian proses undang-undang boleh dilaksanakan mengikut cara yang dinyatakan di sini.

Penyelesaian/Jualan Akaun Pembiayaan Peribadi-i

49. Pelanggan dengan ini mengaku dan bersetuju bahawa pihak Bank boleh atas budi bicara mutlaknya menyerah hak milik, memindah dan/atau menjual Akaun Pembiayaan Peribadi-i Pelanggan atau sebahagian daripadanya kepada institusi, korporasi, atau badan statutori lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau ditubuhkan di bawah mana-mana Akta atau perundangan statutory Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai "Akaun Pembiayaan Peribadi-i Pembeli") dan bagi tujuan ini Pelanggan dengan ini bersetuju dengan tanpa syarat dan tanpa boleh diubah untuk penyerahan hak, pemindahan dan/atau penjualan Akaun Pembiayaan Peribadi-i Pelanggan kepada Akaun Pembiayaan Peribadi-i Pembeli sebagai mana yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank.

50. Sebagai tambahan dan tanpa mengurangkan/tanpa menjelaskan klaus 49 di atas apabila pihak Bank memberikan notis seawal Tujuh (7) hari kalender, Pelanggan bersetuju dan memberi kuasa kepada pihak Bank tanpa syarat dan tanpa boleh diubah untuk mendedahkan, memberi, dan/atau menyerahkan, menyampaikan atau sebaliknya menjadikan tersedia sebarang maklumat, rekod-rekod, butir-butir sedemikian mengenai Pelanggan dan/atau Akaun Pembiayaan Peribadi-i Pelanggan kepada Akaun Pembiayaan Peribadi-i Pembeli.

I hereby confirm and agree to be bound by the above Terms & Conditions.* / Dengan ini, saya mengesahkan dan bersetuju untuk menuruti Terma dan Syarat di atas.

Signature Applicant / Tandatangan Pemohon
I/C Number / No. Kad Pengenalan: _____
Date / Tarikh: _____

ASSET SALE AGREEMENT / PERJANJIAN ASET

THIS AGREEMENT is made on / PERJANJIAN INI dibuat pada

PARTIES / PIHAK:

1. MAYBANK ISLAMIC BERHAD (Company No. 787435-M) a company incorporated in Malaysia and having its registered address at 14th Floor, Menara Maybank, No. 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur and includes its successors in title and assigns (hereinafter referred to as "Bank") of the one part; and / MAYBANK ISLAMIC BERHAD (No. Syarikat: 787435-M), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftarnya di Tingkat 14, Menara Maybank, No. 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur dan termasuk pengganti hak miliknya dan penerima serah hak (selepas ini dirujuk sebagai "Bank") pada satu pihak; dan
2. The Party whose particulars are set out in Section 1 of the Schedule hereto (hereinafter referred to as "Customer") of the other part. / Pihak yang butir-butir adalah seperti yang dinyatakan oleh Seksyen 1 dalam Jadual di sini (selepas ini dirujuk sebagai "Pelanggan") sebagai pihak yang lain.

RECITAL / RESITAL:

Pursuant to the completed Application Form and in accordance to the financing procedure of the Bank, the Customer has undertaken to purchase the commodity ("Commodity") stated in Section 2 of the Schedule hereto upon the terms and conditions therein and herein contained. / Menurut Borang Permohonan dan mengikut prosedur pembiayaan Bank, Pelanggan telah berakuanji untuk membeli komoditi ("Komoditi") yang dinyatakan dalam Seksyen 2 dalam Jadual di sini atas terma dan syarat di dalamnya dan terkandung di sini.

IT IS HEREBY AGREED as follows / ADALAH DENGANINI DIPERSETUJUI seperti yang berikut:

1. The Bank hereby sells to the Customer and the Customer hereby purchases from the Bank the Commodity at a sale price as stated in Section 3 of the Schedule hereto ("Bank's Sale Price") and payable on deferred payment terms upon the terms and conditions herein contained. / Bank dengan ini menjual kepada Pelanggan dan Pelanggan dengan ini membeli daripada Bank komoditi pada harga jualan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3 Jadual di sini ("Harga Jualan Bank") dan dibayar mengikut terma bayaran tertangguh tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini.
2. Upon execution of this Agreement, all rights title and benefits to the Commodity shall pass to the Customer. / Setelah pelaksanaan Perjanjian ini, semua hak milik dan manfaat ke atas komoditi hendaklah berpindah kepada Pelanggan.
3. The Bank's Sale Price and all other monies covenanted to be paid under the Facility shall be paid in full within the tenure stated in Section 4 of the Schedule hereto ("Facility Tenure") at the time and in the manner as stated in Section 5 of the Schedule hereto. / Harga Jualan Bank dan semua wang lain yang dijanjikan untuk dibayar di bawah Kemudahan ini hendaklah dibayar sepenuhnya dalam tempoh yang dinyatakan dalam Seksyen 4 Jadual di sini ("Tempoh Kemudahan") pada masa dan mengikut cara yang dinyatakan dalam Seksyen 5 Jadual di sini.
4. The Customer is purchasing the Commodity unconditionally and without reservation on an "as is where is" basis and shall have no remedy against the Bank in respect of quality, condition, or otherwise in respect of the Commodity. / Pelanggan membeli komoditi secara tidak bersyarat dan tanpa syarat atas dasar "sepertimana yang sedia ada" dan tidak akan mempunyai remedi terhadap Bank berkenaan dengan kualiti, keadaan, atau selainnya berkenaan dengan Komoditi ini.
5. Each party acknowledges that the Commodity shall be capable of physical delivery. The Customer may request the physical delivery of the Commodity provided that the Bank shall have received such instruction from the Customer in the form of a Fourteen (14) days prior written notice to the Bank. All costs associated with the physical delivery of the commodity, including the delivery costs, storage costs and takaful/insurance, shall be borne by the Customer. / Setiap pihak mengakui bahawa Komoditi itu hendaklah mampu diantar secara fizikal. Pelanggan boleh meminta penghantaran fizikal komoditi dengan syarat bahawa Bank hendaklah telah menerima arahan dari pihak Pelanggan di dalam bentuk notis bertulis dalam masa Empat Belas (14) hari terlebih dahulu kepada Bank. Semua kos yang berkaitan dengan penyerahan fizikal komoditi, termasuk kos penghantaran, kos penyimpanan dan takaful/insurans, hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.
